

# Kerajaan digesa gubal semula undang-undang lombong pasir

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan Pusat digesa menggubal semula undang-undang kelestarian alam bagi memastikan aktiviti perlombongan pasir secara haram dapat dibanteras segera.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, perkara tersebut perlu dilakukan sekali gus menyelamatkan ekosistem alam sekitar daripada terus terjejas dan binasa.

"Kerajaan Pusat seharusnya bersikap lebih tegas dalam usaha menangani dan mengekang isu ini dan jangan hanya membiarkan tanggungjawab tersebut dipikul oleh kerajaan negeri semata-mata.

"Dalam isu ini, kementerian dan agensi terlibat perlu memberikan fokus terutama yang melibatkan aspek penguatkuasaan kepada pihak yang terlibat secara



SHARIFFA SABRINA



MOHD. YUSOFF

langsung dalam aktiviti perlombongan pasir haram tersebut," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Menurutnya, usaha media massa dalam melaporkan isu berkaitan perlombongan pasir laut secara haram juga perlu ditingkatkan agar kesejahteraan alam sekitar terus terpelihara.

Sementara itu, Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Yusoff Ishak berkata, aktiviti tersebut perlu dihentikan segera kerana ia memberi impak langsung terhadap hidrologi persekitaran secara keseluruhan.

Katanya, kesan jelas yang dapat dilihat ialah gangguan terhadap hidupan yang mendiami dasar laut sekali gus menjejaskan mata pencarian golongan nelayan.

"Pemantauan kerap daripada pihak-pihak terbabit perlu diperluas dan diperketatkan agar ia dapat dibendung segera. Kerja-kerja pengorekan ini biasanya dijalankan oleh sindiket dari negara luar di kawasan laut lepas yang agak sukar dipantau anggota penguat kuasa.

"Pada hemat saya, perlu pemantauan menggunakan teknologi yang lebih ter-

kini kerana dipercayai pihak yang tidak bertanggungjawab ini biasanya dibiayai oleh pihak dari luar yang kaya dan berpengaruh.

"Menerusnya, kerajaan perlu melihat dan meneliti semula bagaimana kaedah efektif untuk mengawal aktiviti perlombongan pasir laut kerana akta sedia ada cuma meliputi tiga batu nautika selepas sempadan negeri," ujarnya.

Tambahnya, antara lokasi yang menjadi eksport pasir laut oleh pihak tidak bertanggungjawab itu ialah Singapura, selatan Johor (laut lepas Teluk Ramunia) dan Perairan Melaka.

Dalam pada itu, usaha *Kosmo!* mendapatkan respons daripada Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. A Xavier Jayakumar tidak berjaya apabila beliau tidak menjawab panggilan.